

Gagal pameran tanda harga, pengurus pasar raya mini dikompaun RM1,000

April 28, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



PADANG SERAI, 28 April - Seorang pengurus sebuah pasar raya mini di Padang Serai dikompaun RM1,000 selepas gagal mempamerkan tanda harga bagi jualan gula kasar seberat 720 kilogram dan minyak masak sebanyak 140 kilogram di premis perniagaannya.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kulim, Mohd Fazly Edros berkata, kegagalan tersebut menyebabkan lelaki berusia 30 tahun itu dikenakan tindakan berkeajaan di bawah Perintah 3 (1) Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993.

Jelasnya, bagi tempoh 1 Januari hingga 26 April, KPDNHEP Kulim telah menjalankan pemeriksaan harian ke atas 2,932 premis dengan 60 aduan diterima.

Sehingga kini sejumlah 48 tindakan undang-undang telah diambil dengan nilai rampasan hampir RM12,000 dan nilai kompaun sebanyak RM14,500.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/17845-gagal-pamer-tanda-harga-pengurus-pasar-rama-mini-dikompaun-rm1-000>